

**Bursa Malaysia Nasihat Pelabur Berhati-hati Dalam Dagangan Saham HL Cap**  
**Bernama**  
**18 Mac, 2014**

KUALA LUMPUR, 18 Mac (Bernama) -- Bursa Malaysia Securities Bhd menasihatkan para pelabur agar berhati-hati dalam dagangan saham Hong Leong Capital Bhd (HL Cap).

Dalam satu kenyataan Selasa, Bursa Malaysia berkata HL Cap sebelum ini dalam jawapannya kepada pertanyaan aktiviti pasaran luar biasa syarikat itu, mengesahkan bahawa ia tidak tahu menahu mengenai sebarang perkembangan korporat atau penjelasan yang boleh membawa kepada aktiviti dagangan luar biasa dalam sahamnya.

"Syarikat itu menasihatkan para pelabur agar meniagakan sahamnya dengan berhati-hati," kata bursa tersebut.

Bursa Malaysia menyatakan ia tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan pengawalseliaan yang sesuai bagi memastikan dagangan yang adil dan teratur dalam saham HL Cap.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1022886>